

BERITA HARIAN

DATE: 29/5/2008

# 'Sikap Dr M ada unsur dengki'

BH- 29/5/2008

## Tindakan tuduh Pak Lah tidak kenang budi tak berasas, seperti kebudak-budakan

Oleh Amin Ridzuan Ishak

**K**UALA LUMPUR: Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai seorang yang tidak mengenang budi disifatkan sebagai tidak berasas dan berunsur dengki.

Malah, sikap Dr Mahathir mengingkit pelbagai perkara lalu yang agak remeh itu juga disifatkan sebagai kebudak-budakan serta tidak memberi sebarang manfaat kepada parti.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau secara peribadi mahu mengetahui atas asas apa bekas Presiden Umno itu mengeluarkan kenyataan begitu yang boleh menyebabkan berlaku ketidakstabilan dalam parti. "Saya nak tahu atas dasar dan alasan apa Tun katakan Pak Lah tidak

mengenang budi. Adakah sebab Pak Lah tidak jemput dia datang rumah atau tidak bersalam dengannya ketika ini? Itu yang saya nak tahu," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menganggap Abdullah sebagai seorang yang tidak tahu mengenang budinya yang membawa semula beliau (Abdullah) kembali dalam kepemimpinan Umno.

Dr Mahathir juga dilaporkan meluahkan kekesalan terhadap tindakannya membenarkan Abdullah menyertai semula Umno dan bertanding jawatan dalam parti yang didakwa menjadi punca kepada keadaan ketidakstabilan parti ketika ini.

Kenyataan itu dikeluarkan ketika beliau berucap di hadapan kira-kira 300 orang yang menyambut ketibanya di luar Terminal Persendirian Petronas, Lapangan Terbang Sultan

**“***Saya nak tahu atas dasar dan alasan apa Tun katakan Pak Lah tidak mengenang budi. Adakah sebab Pak Lah tidak jemput dia datang rumah atau tidak bersalam dengannya ketika ini? Itu yang saya nak tahu”*

**Muhammad Muhd Taib**  
Ketua Penerangan Umno

Salahuddin Abdul Aziz Shah, sejeurus tiba dari Jepun kira-kira jam 6 petang, kelmarin.

Ketika ditanya apakah kenyataan terbaru itu menunjukkan Dr Mahathir sudah terdesak berikutan kekurangan sokongan diterima untuk mengikut jejaknya keluar Umno, Muhammad enggan mengulas mengenai sebaliknya menjelaskan keadaan itu membuktikan ahli masih percaya dengan perjuangan parti di pimpin Abdullah itu.

"Pendirian ahli cukup jelas iaitu mereka masih sayangkan Umno dan mahu membantu usaha pemimpin tertinggi yang kini sedang dalam proses pengukuhan semula selepas melalui pengalaman paling pahit dalam sejarah penubuhannya," katanya.

Sementara itu, Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad berkata, tidak patut seseorang itu dilabelkan dengan tuduhan negatif seperti itu apa-

tah lagi terhadap individu seperti Abdullah.

"Seharusnya kita menghormati antara satu sama lain mengikut budaya Melayu yang menjadi pegangan kehidupan sejak dari dulu lagi demi kepentingan dan perpaduan kaum Melayu," katanya.

Veteran Umno, Tan Sri Aziz Tapa berkata, perilaku Dr Mahathir itu tidak begitu manis berdasarkan usianya yang semakin meningkat.

Aziz juga mahu supaya Dr Mahathir menghentikan kritikan berbentuk serangan peribadi terhadap Abdullah mengenai punca prestasi kurang memberangsangkan Barisan Nasional (BN) dan Umno pada pilihan raya umum, 8 Mac lalu.

"Tun harus sedar walaupun BN pimpinan Pak Lah hanya menang 140 kerusi Parlimen, ia tetap dikira menang dan itu adalah mandat rakyat yang harus dihormati sesiapa saja, termasuk beliau," katanya.